

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 12 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	KIRA-KIRA 150 ANGGOTA PPN KELANTAN BANTAH PEWARTAAN PERATURAN-PERATURAN PELADANG, NEWS, BERNAMA -4 PPN KELANTAN TOLAK PINDAAN PERATURAN PERTUBHAN PELADANG, NEWS, MALAYSIA KINI -4 ANGGOTA PPN KELANTAN BANTAH PINDAAN BAHARU, NEWS, PERAK TODAK -7 FARMER'S ORGANISATION AUTHORITY OPTIMISTIC PROTEST AGAINST AMENDMENTS ONLY, NEWS, MALAY MAIL -3 SIM: UTILIZE ON TECHNOLOGY IMPROVING PRODUCTIVITY OF FOOD, NEWS, CHINA PRESS -C2 SIM: PALM OIL ESTATE OWNER SHALL INCREASE PRODUCTIVITY OF FOOD SUPPLY, NEWS, SIN CHEW DAILY -4 FARMERS NEED TO WORK FOR SELF REVIVAL AS AGRICULTURE MINISTRY NOT GIVING ANY PAID, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 SIM: CHINESE FARMERS URGED TO JOIN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN, NEWS, SIN CHEW DAILY -10 SI TZE TZIN HANDS OVER FUNDING TO VICTIM, NEWS, SIN CHEW DAILY -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
10. 11. 12.	LIMA NELAYAN DITAHAN BERSAMA BOT KENKA, SETEMPAT, SH -39 MELAKA BAKAL PERKENAL 'KUPANG MANIS', NEWS, ASTRO AWANI -7 MELAKA BAKAL PERKENAL 'KUPANG MANIS', NEWS, BERNAMA -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	PALTFORM DIGITAL LONJAK KUASA PEMASARAN FAMA, SOAL JAWAB, BH -15	FAMA
14. 15. 16. 17. 18. 19.	GUGAT EKONOMI PETANI, PENGUSAHA LADANG, EKSKLUSIF, BH -18 TERPAKSA TOLAK TANAH LAMA GANTI BAHARU, EKSKLUSIF, BH -18 BERNAS ERAT HUBUNGAN DENGAN KOMUNITI SETEMPAT, SEMARAK RAMADHAN, BH -8 500 PENDUDUK KODIANG DIRAI, 1,000 BUBUR LAMBUK DIAGIH, SEMARAK RAMADHAN, BH -9 TIADA MESIN PENIMBANG KENDERAAN PERDAGANGAN, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -3 PINTU NEGARA RAPUH, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -2	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Kira-kira 150 anggota PPN Kelantan bantah pewartaan Peraturan-peraturan Peladang		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Kira-kira 150 anggota PPN Kelantan bantah pewartaan Peraturan-peraturan Peladang

KOTA BHARU, 12 Mei (Bernama) -- Kira-kira 150 anggota Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan hari ini membuat bantahan terhadap pewartaan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
Anggota...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	PPN Kelantan tolak pindaan peraturan Pertubuhan Peladang		
MediaTitle	Malaysiakini(www.malaysiakini.com)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,050

PPN Kelantan tolak pindaan peraturan Pertubuhan Peladang

Bernama | Diterbitkan Hari ini 9:05 pagi | Dikemaskini Hari ini 9:05 pagi
 Kira-kira 150 anggota Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan hari ini membuat bantahan terhadap pewartaan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 oleh Kementerian...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Anggota PPN Kelantan Bantah Pindaan Baharu		
MediaTitle	Perak Today(peraktoday.com)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Anggota PPN Kelantan Bantah Pindaan Baharu

KOTA BHARU – Kira-kira 150 anggota Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan hari ini membuat bantahan terhadap pewartaan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
 Anggota Jemaah Pengarah PP...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Farmers' Organisation Authority optimistic protest against amendments only temporary		
MediaTitle	Malay Mail(www.malaymail.com)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	3	Readership	6
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,500

Farmers' Organisation Authority optimistic protest against amendments only

BENTONG, May 12 — Farmers' Organisation Authority (LPP) chairman Datuk Mazlan Aliman is optimistic that protests against the newly gazetted amendments in the Farmers' Organisation (Amendment) Regulations 2019 is only temporary. He said the protests by se...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Sim : Utilize on technology improving productivity of food		
MediaTitle	China Press (Northern)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	5,959
Page No	C2	Readership	17,877
Language	Chinese	ArticleSize	435 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,288
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,863



(檳城11日訊) 农业与农基工业部副部长沈志勤说，我国有3000万人口，但只有100万公顷农业地，国内粮食生产受土地限制，必须通过高科技，善用有限地段生产更多粮食。

“我国在2050年预计有4000万人口，但已没更多地段，须更先进及善用科技，增加粮食生产。”

沈志勤昨日首次以副部长身分，前往其国会选区峇央峇鲁参观世界渔业中心 (WorldFish) 时，受询及精英顾问团主席敦达因指我国每年人口高达500亿令吉粮食，建议可使用高科技增加粮食一事，这么回应。

他说，尽管我国人口520亿令吉粮食，但也出口300亿令吉粮食；人口粮

沈志勤：生產受土地限制 善用科技增糧食

食主要是本地无法种植的植物，包括动物饲料、小麦、马铃薯及鱼类等。

善用荒地短期種植

他指出，该部也寻找与其他部门合作，包括与经济事务部合作，善用荒废或还未发展的地段，让农民进行短期种植。

“目前我们也正在商讨，是否可善用4万公顷的垦殖民区中 (Pelida) 的荒废土地，用来种植。”

他也建议农民，尤其是油棕业者，要开发更多种植技巧，以在油棕园的空

间种植其他植物，例如菇类等。

“业者在18多年后若要重新种植油棕，也可善用空档来种植其他农作物。”

沈志勤说，我国有780万公顷农业地，其中580公顷种植油棕、100万公顷种橡胶，只有100万公顷进行粮食种植，包括60万公顷稻米地及40万公顷蔬果及养殖业。

出席者包括大马渔业局总监拿督慕尼莫哈末纳威、渔业研究机构董事再努丁，及世界渔业中心总监卡乐等。



■沈志勤 (左) 参观世界渔业中心，聆听专人讲解。

沈志勤说，目前我国的鱼获中有70%是捕抓渔产，只有30%是来自水产养殖，该部目标是可以达到平衡，即50对50%，他希望有更多年轻人投身水产养殖业。

鼓勵年輕人投身水產養殖業

“目前我们的鱼获是达到90%自给自足，未来人口增加就需要更多鱼获，因此在这方面要投入更多努力。”

他说，渔业局设有训练中心，提供有关养殖业的课程及计划给年轻人，也会提供咨询服务，因此他鼓励年轻人积极投入这行业。

“目前水产养殖业所面对的问题，是要寻找适合进行水产养殖的地方、污染情况及饲料成本增加等。”

Headline	Sim : Palm oil estate owner shall increase productivity of food supply		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Northern)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	11,698
Page No	4	Readership	35,094
Language	Chinese	ArticleSize	162 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 491
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,473



沈志勤：減少依賴進口 油棕園主應增糧食生產

（檳城11日訊）农业及农基工业部副部长沈志勤说，我国每年须进口价值520亿令吉的粮食，他促请油棕小园主养猪种菜或养殖牛羊，协助国家增加粮食生产，减少依赖进口粮食。

他说，油棕小园主可在油棕树下养殖牲畜，而在翻种时可在部分土地种植其他农作物。

他日前巡访峇都茅的世界渔业中心时说，当局会在有关方面给予农友各种协助，包括指导农友转型。他说，我国有780万公顷农地，其中580万是油棕园，而橡胶园和粮食生产农地各占100万公顷。

将发展高科技农业

他说，粮食生产地之中，有60万公顷是稻田，剩余40万才是菜园和畜牧业地段，产量不足以满足3000万人口的需求。

他说，到2050年，预期我国人口将增至4000万至4500万人，而当局不能胡乱开发林森做为农业用途。为解决粮食生产不足的问题，我国须设法在有限的农地生产更多粮食，朝向多元和高产的高科技农业发展是解决方案。

他说，我国已定下未来5年朝高科技农业发展的方向，该部已



沈志勤（右二）参观世界渔业中心的高产非洲鱼品种；右为渔业局总监拿督莫哈末姆尼。

向经济部和财政部寻求合作，进行这方面的计划。

他说，当局也会善用联邦垦殖区和其他联邦

政府废置的土地，供种植蔬菜和其他短期农作物用途，以解决粮食不足的燃眉之急。

Headline	Farmers need to work for self revival as agriculture ministry not giving any aid		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	477 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,000



菜总：漠视权益福利

“农业部不救 菜农需自救”

(淡边 11 日讯) 马来西亚菜农总会总会长陈苏潮说，希盟政府尤其是农业部对国内菜农的权益和福利视若无睹、不闻不问，以他为首的菜农总会深感失望和遗憾，并呼吁本地农民须步步为营，当前唯有自救才是上上之策！

他指出，首相敦马哈迪医生日前尚表示，我国在入口食粮上耗费逾 600 亿令吉，相信主因就是农业及农基工业都在农耕领域，未能与众菜农达致共识所导致，因此呼吁以首相马首是瞻的内阁成员，能针对是项问题尽早作出探讨，届时势必能为国家挽回更多的外汇流失。

陈苏潮今天在马来西亚菜农公会第 31 届全国会员代表大会上，致词时这么说。逾 100 名代表出席是项大会。

屡呈备忘录都失败

该会总秘书蔡依端在汇报会务时表示，当局曾针对菜农所

面对的种种不公平待遇，多次准备了详细的备忘录，准备提呈于农业农机工业部长沙拉胡丁，可是偏偏事与愿违，每次均不成功。

但他强调，该会绝不会因此而退缩，反而会继续勇往直前，屡败屡战永不言弃。

出席者包括该会署理总会长

林仕伟、副总会长黄松敬、总财政张威扬及委员李源兴。

陈苏潮促部分执迷不悟的菜农，不要继续一意孤行，采用不受认证与鉴定的农药或肥料，因为此举最终势必导致得不偿失，甚至祸及其他无辜菜农，落得害己累人的下场。

蔡依端则劝告各地菜农须关

注社会保险的最新条例，以及据实呈报所得税的指示，大家务须实事求是，因为希盟政府正全力实施除贪倡廉的政策，因此各界千万不要有所隐瞒，否则将会面对到头来落得一场空的悲惨局面。

较后，大会也在经过辩论后，通过了 12 项的大会议案。

Headline	Sim : Chinese farmers urged to join Pertubuhan Peladang Kawasan		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Northern)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	11,698
Page No	10	Readership	35,094
Language	Chinese	ArticleSize	400 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,212
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,636



大馬神農楷模獎全國巡迴路演暨農民無公害農產品促銷會

沈志勤：享有制度化援助

吁華裔農民加入農會

(檳城11日訊) 农业及农基工业部副部长沈志勤鼓励华裔农民加入政府的各区农会 (Pertubuhan Peladang Kawasan, PPK)，以直接获政府制度化帮助，进入主流，而不致感觉“被边缘化”。

他今日出席2019第5届大马神农楷模奖全国巡回路演暨农民无公害农产品促销会时说，有许多华裔农民只加入同业自行成立的组织，而非政府属下的农会，无法在政府制度化的措施下受惠，也未能进入真正的中心，而感觉被边缘化。

他希望华裔农民改变想法和观念，加入该农会遍布在各区的分会以获政府拨款等援助。

各区办公室每周三设平台面对农民

“农业部协助农民朝高科技农业发展。每周三在各区办公室，为农民提供投诉、反映问题和获取资讯的平台，由官员直接面对农民。”

他说，目前联邦土地发展局 (FELDA) 和棕油小型园主积极向非油棕种植和高科技农业转型。他呼吁菜农和果农接洽相关单位，以便找出双赢的发展方式。

“小园主有土地，但缺乏种植蔬果经验；果、菜农则有经验，没足够土地。”

他坦言，我国农地不足，因立国时大量种植棕油，不过随着时代变迁，棕油价格大降，目前正寻求转型。

“如今全马有780万公顷农业地，其中580万公顷种棕油，100万公顷种树胶，60万公顷种稻米，只有40万公顷则作为种蔬果和畜牧等用途。”



黄志明 (左三起) 和蔡振行等人在檳州果农公会的档口合照



活动出席嘉宾

蔡振行吁正視食品安全問題

大会主席拿督蔡振行博士说，全球食品安全问题棘手，他呼吁我国农民正视相关问题，也盼民众提高警觉。

他说，大马神农楷模奖扛起使命，唤醒农民和大众关注食安。例如，奖项迈向ISO 9001的国际标准，如今提名者都得符合相关资格。

他认为，我国有条件成为粮食自给自足国，并呼吁政府制定迈向先进和工业国的同时，也拟定周全的政策，发展

农业。

黄志明：沟通打破官民隔阂

槟州果农公会主席黄志明盼农民和政府别再闭门造车，寻求适当的沟通管道，打破彼此隔阂，推动农业发展。

他认为，我国农业落后邻国，技术不及泰国，可能是因为政府和农民之间有隔阂。一方面，农民觉得没获政府帮助；一方面也可能是农民没有求助。

活动巡回至檳城已是第7站。它由马

来西亚维护与发展农业协会主办，槟州果农公会、槟州茶农公会、大马农业合作社及M Mall联办，今早10时至下午6时在M Mall摆摊促销无害农产品。下午有联昌银行中小企业贷款计划、MYGAP & ISO 9001申请程序以及大马神农楷模奖的讲座。

出席者有主著联昌银行中小企业贷款发展部总监梁志邦、马来西亚ISO 9001顾问网站首席顾问郭一贤以及各协办单位代表。

Headline	Sim Tze Tzin hands over funding to victim		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Northern)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	11,698
Page No	3	Readership	35,094
Language	Chinese	ArticleSize	173 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 524
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,573



沈志勤（左二起）移交抚恤金给苏瑞福

雙溪賴1木屋燒毀 沈志勤移交撥款助安頓

（檳城11日讯）双溪赖肯德基快餐店后一间木屋昨晚被火烧毁，峇央峇鲁国会议员沈志勤今日到场慰问灾民，并移交1万令吉国会选区拨款给屋主苏瑞财，另两名租客各获500令吉。

“除了我的拨款外，屋主也将获得槟州元首救灾基金的1000令吉及州议员的拨款。”

沈志勤说，火灾后，首要解决的是受影响者的住宿问题，他建议屋主申请廉价屋或可负担房屋，他会给予协助，因为这属于特别情

况。

“屋主要求在原地重建，但这要土地局的批准，我交给这区州议员处理。”

他说，该处有约200间木屋，但缺少消防栓，因此他将与消防局及当地州议员讨论可否增设消防栓。

苏瑞财的哥哥苏瑞福说，该屋由其弟弟居住，他偶尔去小住几天，事发时恰好其弟弟与弟妇去吃晚餐，而他在市区办事。他损失约30万令吉，包括2辆车。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2019	SINAR HARIAN	SETEMPAT	39

Lima nelayan ditahan bersama bot kenka

GEORGETOWN- Lima nelayan warga tempatan ditahan sepasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang ketika sedang menangkap ikan awal pagi semalam.

Pengarahnya, Kapten Maritim Hamizan Harun berkata, kesemua nelayan berusia lingkungan 29 hingga 41 tahun itu ditahan di perairan Pulau Pinang pada kedudukan 3.3 batu nautika dari tenggara Pulau Rimau.

Menurutnya, nelayan tersebut ditahan bersama sebuah bot kenka ketika sedang memukat ikan pada jam 1.20 pagi.

"Ketika anggota APMM sedang melakukan rutin rondaan di sekitar perairan negeri ini, kita telah mengesan sebuah bot kenka sedang memukat dalam keadaan mencurigakan.

"Setelah pemeriksaan dilakukan, ada lima nelayan warga tempatan berada di atas bot dipercayai melakukan

kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985, Seksyen 8(b) kerana melanggar syarat sah lesen iaitu bot tersebut tidak diusahakan sendiri oleh pemilik bot," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihaknya merampas segulung pukut, 35 bakul, dua tong ikan, satu cangkuk ikan dan satu penyeduk ikan.

"APMM turut merampas ikan campur anggaran

berat 80 kilogram. Kesemua rampasan dan lima nelayan itu dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk siasatan serta tindakan lanjut.

"APMM akan terus meningkatkan lagi pemantauan dan rondaan dalam membanteras sepenuhnya aktiviti yang menyalahi undang-undang jenayah di laut," katanya.



Bot kenka, lima nelayan dan semua barang rampasan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut.

Headline	Melaka bakal perkenal 'kupang manis'		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Melaka bakal perkenal 'kupang manis'

MELAKA : Melaka bakal memperkenalkan produk baharu, Kupang Manis sebagai usaha menambah pendapatan nelayan di negeri ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Melaka, Johari Tim berkata pihaknya kini menunggu kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri dan Kemen...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Melaka bakal perkenal 'kupang manis'		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	12 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Melaka bakal perkenal 'kupang manis'

MELAKA, 12 Mei (Bernama) -- Melaka bakal memperkenalkan produk baharu, Kupang Manis sebagai usaha menambah pendapatan nelayan di negeri ini. Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Melaka, Johari Tim berkata pihaknya kini menunggu kelulusan di peringkat Kerajaan...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Platform digital lonjak kuasa pemasaran FAMA

S: Sejak dilantik ke jawatan penting FAMA pada November lalu, berdasarkan pemerhatian adakah agensi ini berfungsi seperti dipertanggungjawabkan oleh kerajaan?

J: Siapa tidak kenal dengan FAMA dan jenama pasar taninya. Saya melihat agensi ini satu-satunya agensi pemasaran. Ia satu agensi yang mustahak untuk pastikan produk hasil tanaman petani dapat dibawa ke tangan sahaja untuk keperluan rakyat kita, tetapi juga untuk di naik taraf menjadi produk industri asas tani supaya dapat masuk ke pasar raya, seterusnya dapat dibawa ke luar negara. FAMA kena fokus memperbanyakkan premis pemasaran dan perlu memperbanyakkan pengusaha untuk meningkatkan petani menjadi usahawan tani bukan setakat jadi petani pure.

S: Apa formula bagi memperkasakan FAMA seiring aliran pengguna sekarang?

J: Kita sedang menyusun semula struktur FAMA supaya mampu membawa kita ke satu tahap baharu. Kita perlu mengenal pasti kehendak pengguna yang sekarang ingin mendapatkan barang secara dalam talian. Mereka ingin mudah untuk mencari barang di mana-mana. Justeru, kita perlu menggunakan teknologi 4.0 ini untuk merebosi ke pasaran lebih luas dan lebih jauh sehingga ke Eropah.

S: Wujud lonjong dalam FAMA yang perlu diperbaiki?

J: Kita kena susun semula punca kuasa FAMA untuk dapat bertindak dengan lebih efektif. Jadi, struktur untuk kita mengubah suai dan meminda seksyen tertentu dalam Akta 141 (Akta FAMA) perlu dibuat dengan segera untuk memperkasakan FAMA sebagai peneraju pemasaran. Sekarang, FAMA hanya diberikan kuasa untuk membuat peraturan kepada beberapa komoditi seperti hortikultur dan florikultur (bunga dan buah). Tetapi buah seperti nenas sudah dikeluarkan sebab ada Lembaga Nanas Malaysia. Buah kelapa sawit, getah semua pergi ke Kementerian Perusahaan Utama. Kenaf pun sama.

Pembabit orang tengah menjadi satu segmen yang penting untuk membawa hasil ini. Cuma kita kena memastikan bahawa di samping kerajaan harus memberikan galakan dan insentif, kita kena pastikan mereka juga dikawal da-

Menyadari ledakan teknologi ketika ini mempengaruhi gaya hidup pengguna, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk mempelbagaikan platform sama ada dalam talian atau menerusi aplikasi bagi merancang kaedah pemasaran dan proses jual beli produk pertanian tempatan. **Ikuti temu bual wartawan BH Ahad, Fahmy A Rosli bersama Pengerusinya, Ishak Ismail, baru-baru ini.**

mata tetapi menyeluruh serta isu bagi semua komoditi. Sebagai satu agensi pemasaran, ia harus diupayakan supaya dapat merentasi semua komoditi. Menjadi masalah apabila dalam akta tidak memberi kuasa kepada kita. Jadi, bagaimana mereka yang melanggar peraturan tertentu. FAMA jadi susah untuk ambil tindakan. Itu sebab kita kena beri cadangan kepada pembuat dasar supaya buat pindaan.

S: Timbul dakwaan kewujudan orang tengah yang selama ini mengawal harga barang sehingga menyebabkan harga naik mendadak.

J: Saya lihat orang tengah ini pun memainkan peranan. Kita tidak boleh jadikan mereka musuh utama negara atau FAMA. Tidak boleh mereka mengeksploitasi kuasa itu sehingga petani berasa tertindas dan harga barang melambung lebih tinggi akibat ketamakan sebahagian orang tengah ini. Sementara FAMA akan membuat engagement dengan pihak tengah ini yang kebanyakan mereka ini adalah pemborong, ada peruncit sepanjang rantaian. Kita akan buat engagement bagi melihat bagaimana mereka boleh berperanan secara kolektif dan berkolaborasi.

Contoh, sekarang kita ada isu bagaimana barang ini boleh dipasarkan dengan cepat, iaitu dengan ada pusat pengumpulan. Petani boleh hantar ke pusat pengumpulan dan dari situ perlu ada mekanisme untuk menghantar semua barang ini ke pasar tani kita. Tentunya ini membabitkan satu logistik yang besar. FAMA mungkin ada had yang kita boleh buat dengan tenaga kerja yang kita ada. Kita mungkin tidak mampu sekiranya berkembang dengan begitu pantas. Bagaimana kita nak gerakkan logistik yang terhad itu?

Pembabit orang tengah menjadi satu segmen yang penting untuk membawa hasil ini. Cuma kita kena memastikan bahawa di samping kerajaan harus memberikan galakan dan insentif, kita kena pastikan mereka juga dikawal da-

ripada kaedah mereka bergerak, memasarkan dan mengambil keuntungan. Sekiranya kita dapat selaraskan ini, saya yakin slogan jihad memerangi orang tengah, dapat kita ubah supaya ia dilihat dalam konteks yang baharu.

Dalam konteks baharu, FAMA perlu berkolaborasi supaya orang tengah menjadi satu segmen penting kita di samping menggalakkan petani memasarkan produk mereka untuk meningkatkan pendapatan. Kita sudah buat beberapa ujian di mana kita berikan peluang petani datang secara jualan terus dari ladang. Pendapatan itu dapat ditingkatkan 50 peratus lebih berbanding jika dijual kepada pemborong. Tetapi, kita juga kena ambil sikap berlapang dada kerana ada petani yang tidak ada kemampuan untuk jual sendiri sebab kekurangan tenaga kerja dan minat. Mungkin mereka mahu jadi penguasa sahaja bukan nak jual. Sekiranya mereka ambil untuk jual sendiri, memang ada potensi lebih. Namun, sekiranya mereka tetap ingin menggunakan perkhidmatan orang tengah atau pemborong, kita kena buat engagement atau rundingan supaya tidak menekan mereka.

S: Ada rundingan antara FAMA dengan orang tengah?

J: Insyallah, kita akan menubuhkan Majlis Penasihat Pemasaran Negara yang mana dalam itu kita akan engage dengan semua pihak terbabit dalam sektor pengeluaran serta pemasaran. Kita akan babitkan persatuan-persatuan, akademi dalam majlis berkenaan, barulah engagement dapat dilakukan.

S: Ketika ini, pendapatan ramai petani dikatakan belum mencecah RM3,000 sebulan. Boleh tuan kongsi data usahawan tani yang berjaya setakat ini dan yang berjaya mencecah kejayaan sehingga meraih pendapatan sehingga RM1 juta setahun?

J: FAMA ada lebih 38 program, antaranya Pasar tani, program Gerai Buah-Buahan Segar

(GBBS), program Motosikal Tiga Roda (M3R), program Kukuh Pemasar, Ladang Kontrak, program Kukuh Pengeluar, program Pasar Komuniti (PAKA). Antara tujuh program ini data yang direkod oleh FAMA, contohnya Pasar Tani, pendapatan sebelum mereka (peserta) menyertai pasar tani RM1,230. Tetapi selepas menyertai, hasil meningkat kepada RM3,500, peningkatan 185 peratus. Bagi GBBS, pendapatan sebelum RM7,572, meningkat kepada RM12,770. Naik 69 peratus. Program M3R, daripada RM1,065, mereka meningkat kepada RM1,641 iaitu 56 peratus kenaikan. Kukuh Pemasar, pendapatan sebelum RM5,065, bertambah kepada RM7,767, naik 53 peratus. Ladang kontrak, RM1,670 kepada RM2,500. Peningkatan sebanyak 50 peratus. PAKA pula, pendapatan sebelum ini RM3,041, meningkat kepada RM4,035, naik 32 peratus. Kukuh Pengeluar, pendapatan daripada RM3,772 kepada RM4,900, naik 31 peratus.

Sehingga Disember 2018, kita dapat membimbing 70,000 usahawan yang menyertai semua projek dan program FAMA. Apakah ada usahawan tani yang mencapai RM1 juta? Begini, kita ada tiga peringkat pemasaran. Peringkat pertama, iaitu mereka yang sudah bersedia untuk eksport barang, ada pensijilan pada peringkat antarabangsa. Pendapatan mereka melebihi RM1 juta.

Untuk peringkat kedua, mereka yang berjaya untuk membuat produk berkualiti, pembungkusan menarik, pensijilan penting untuk masuk ke pasar raya. Peringkat ketiga pula mereka yang baru memulakan perniagaan, mungkin di tepi jalan dan sebagainya. Jadi, kita susun mereka mengikut peringkat. Usahawan peringkat satu, kita sering bawa mereka ke promosi di luar negara.

S: Ada usaha bagi transformasikan pasar tani di negara ini dan mempromosikan, selain menjadikan pasar tani sebagai pasar moden?



J: Pasar tani yang kita buat adalah jualan secara tradisional. Kita sudah bincang perkara ini dan ada tiga pendekatan untuk angkat program pasar tani. Yang pertama, kita tahu bahawa kaedah dan gaya baharu pengguna membeli produk ini telah melalui proses yang bagus di mana banyak golongan muda yang beli menggunakan cashless (tanpa tunai). Jadi, sekarang mereka tidak bawa wang dan guna aplikasi. Apa yang diperlukan adalah kaedah pembayaran cashless. Saya sudah arah kan peserta pasar tani untuk menggunakan kaedah pembayaran secara cashless. Itu kaedah apa yang dipanggil sebagai *pay and go*. Kita sudah berbincang dengan beberapa bank dan mereka telah beri persetujuan termasuk dengan bank komersial lain. Sistem QuickPay ini akan menggalakkan anak muda untuk datang ke pasar tani.

Kedua, kita bersetuju untuk galakkan peserta pasar tani untuk menjual produk segar dalam AgroBazaar Online. Kita sedia platform dalam talian ini sejak 2016. Sebelum ini kita hanya bagi satu opsyen untuk guna platform ini. Sekarang ada 4,800 pemasar dan 12,000 produk SKU (unit simpanan stok) yang ada dalam AgroBazaar Online. Kita juga sudah catat jualan sebanyak RM4.6 juta.

Kita turut adakan perbincangan dengan Telekom Malaysia untuk tengok pangkalan data orang yang berminat untuk melayari laman maya ini. Terdapat 15 juta carian di internet atas nama pasar tani sahaja. Maknanya memang orang tengah cari pasar tani. Ini adalah satu potensi. Bila pesanan dibuat, kita mahu jadikan pasar tani sebagai *pickup location* tanpa tidak perlu menunggu lagi. Saya yakin mereka dapat permintaan tinggi, jualan berganda dan cepat. Mereka tentunya dapat merancang stok lebih cekap.

Satu lagi inovasi yang perlu difikirkan, bagaimana kita boleh kerjasama dengan Grab atau kita ambil konsep Grab Food. Saya yakin itu satu inovasi yang kena kaj kerana konsep pandu lalu, pergi hantar ke rumah, orang tidak mahu keluar, letak kenderaan, berhujan, jadi mereka cuma nak sampai depan pintu rumah. Kalau itu behendak pengguna, kita kena respon. Cuma bagaimana FAMA nak buat itu kita cuma boleh facilitate (memudahkan) dan perlu difikirkan supaya anak muda peroleh faedah untuk jana tambahan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2019	BERITA HARIAN	EKSKLUSIF	18



'TANAH MATI' ANCAM CAMERON HIGHLANDS



Penggunaan Struktur Pelindung Hujan dan pembajaan secara berlebihan tanpa kawalan menyebabkan tanah di sekitar Cameron Highlands berisiko menjadi tanah mati.

Gugat ekonomi petani, pengusaha ladang

➔ Penggunaan baja berlebihan, SPH meluas tanpa kawalan punca pencemaran

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my
Cameron Highlands

Tanah di sekitar Cameron Highlands berisiko menjadi tanah mati apabila pengusaha ladang dikesan berterusan menggunakan baja secara berlebihan tanpa kawalan.

Ketika ini, kawasan seluas 3,500 hektar di tanah tinggi itu diusahakan dengan pertanian, termasuk hampir 800 hektar ditanam dengan pokok bunga.

Isu tanah mati atau tanah 'miskin' yang dikategorikan sebagai tanah bermasalah boleh mengugat

ekonomi petani dan pengusaha ladang di kawasan tanah tinggi itu.

Penggunaan Struktur Pelindung Hujan (SPH) yang meluas di kawasan tanaman di kawasan itu juga antara punca utama tanah di situ cenderung menjadi 'miskin' dan mati.

Sebahagian besar iaitu dianggarkan 70 peratus daripada 200 pengusaha ladang bunga di Cameron Highlands menggunakan SPH.

Isu tanah mati di Cameron Highlands pernah menjadi ancaman buat petani pada dekad lalu.

Kejadian tanah mati lebih serius, khususnya di kawasan tanaman bunga secara besar-besaran di bawah SPH seperti kekwa.

Kuantiti baja yang terlalu tinggi memberi kesan terhadap tumbesaran bunga kekwa dan mengganggu tekstur tanah terbabit.

Pegawai Penyelidik Pusat Agrobiodiversiti dan Persekitaran MARDI, Saiful Zaimi Jamil, berkata tumbesaran yang ditanam di bawah SPH tertumpu pada bunga-bunga bernilai tinggi seperti kekwa dan ros.

Katanya, ini kerana kedua-duanya sensitif kepada kelembapan selain tidak sesuai ditanam di kawasan



Saiful Zaimi Jamil

terbuka sehingga menyebabkan pokok mudah terjebak dengan serangan penyakit akibat air hujan.

Pengumpulan baja berlebihan

Bagi kawasan pertanian yang diamalkan secara terbuka, beliau berkata, masalah akumulasi garam dari baja dalam tanah kurang serius kerana adanya hujan yang dapat melarutkan kandungan garam dalam tanah.

"Bagaimanapun, keadaannya berbeza di bawah SPH berikutan tanah yang ditanam bunga tidak terdedah kepada cahaya matahari dan air hujan secara semula jadi.

"Tanah mati berlaku akibat

mulasi (pengumpulan) baja berlebihan dalam tekstur tanah. Penggunaan baja dalam kuartiti yang banyak untuk jangka panjang akan meresap dalam tanah. Semakin lama kandungan baja semakin tinggi di dalam tanah sehingga ia boleh menyebabkan tanah itu mati dan tidak lagi sesuai untuk penanaman bunga-bunga mahupun sayur-sayuran.

Sekiranya tanah itu terus digunakan secara rakus sehingga mengabaikan proses 'rehat dan rawat', ada kemungkinan tanah ini akan tidak lagi sesuai untuk penanaman bunga-bunga," katanya kepada BH.

Mengenai kesan SPH terhadap tanah, Saiful menjelaskan, masalah tanah yang mengandungi kepekatan baja yang tinggi dapat dikurangkan melalui dua kaedah.

Katanya, langkah pertama adalah dengan membuka bumbung plastik SPH agar air hujan dapat melarutkan kandungan baja yang terkumpul dalam tanah bermasalah. Langkah kedua pula, katanya, tanah itu perlu direhatkan daripada sebarang aktiviti pertanian buat satu jangka masa bagi mengembalikan kesuburan tanah.

Beliau berkata, masa yang diper-

Fakta nombor

3,000
PETANI

di Cameron Highlands

200
PENGUSAHA

bunga di Cameron Highlands

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2019	BERITA HARIAN	EKSKLUSIF	19



PERBANDINGAN TANAH SUBUR DAN TANAH MATI



TANAH SUBUR

CACING TANAH

▲ Menghasilkan liang untuk aliran air seperti dari hujan, sekali gus dapat membantu tumbesaran tumbuhan. Selain itu, ia membantu menambah nutrien dalam tanah.

MIKROORGANISMA

▲ Contoh seperti bakteria dan fungus membantu untuk 'menapis' pencemaran dan menstabilkan tanah, sekali gus mengelak hakisan tanah.



TANAH MATI

▲ Permukaan tanah retak, keras dan berdebu. Air tidak dapat meresap sehingga ke akar tumbuhan secara efektif untuk proses tumbesaran.

HAKISAN

▲ Kemungkinan boleh berlaku akibat tanah miskin dan tidak dilindungi. Tanah yang terhakis dan masuk ke dalam sungai boleh membahayakan hidupan.

KIMIA

▲ Penggunaan baja dan racun perosak berbahaya yang menjadi penyebab tanah mati dan miskin boleh memberi kesan terhadap kesihatan dan mencemarkan alam sekitar.

SERANGGA PEROSAK

▲ Tumbuhan di tanah mati mempunyai ketahanan lemah sehingga memudahkan serangga perosak menyerang.

Terpaksa tolak tanah lama ganti baharu

Kuala Lumpur: Terdapat segelintir pengusaha ladang pertanian di Cameron Highlands 'menurap' tanah lama dengan baharu supaya ia boleh digunakan untuk aktiviti penanaman.

Presiden Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (REACH), R Ramakrishnan, berkata mereka terpaksa berbuat demikian berikutan tahap asid dalam tanah yang tinggi disebabkan penggunaan baja secara berlebihan.

Berikutan penggunaan baja terlampau tinggi, katanya, ada tanaman seperti buah limau yang suatu ketika dahulu terkenal di Cameron Highlands sekarang tidak lagi sesuai ditanam di tanah tinggi itu.

"Pengusaha sendiri beritahu penggunaan baja terlalu banyak membuatkan tanah sudah jadi asid. Bila jadi asid, mereka tidak lagi boleh tanam semula."

Seludup racun diharamkan

"Jadi, mereka terpaksa tolak tanah yang lama ganti dengan tanah baharu, lapisan demi lapisan."

"Macam dulu kita ada limau. Dulu Cameron Highlands memang terkenal dengan limau hijau. Sekarang langsung tidak ada di Cameron Highlands. Sekarang, tanah itu tidak lagi sesuai dengan tanaman itu," katanya kepada BH.

Selain itu, beliau mendakwa penggunaan racun serangga yang berleluasa di kawasan pertanian tanah tinggi itu menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Aktivis alam sekitar itu berkata, racun yang meresap dalam tanah itu mencemarkan sumber air.

"Sebenarnya, kesannya banyak. Dari air sahaja, kami sudah buktikan ada lapan jenis racun yang diharamkan. Ada yang guna racun diharamkan Kerajaan Malaysia yang mungkin disedup masuk."

"Mungkin racun itu harganya lebih murah. Kesannya terhadap serangga perosak pula memang kuat. Tetapi mereka alpa yang sayur yang mereka racun ini dijadikan sebagai makanan. Mereka kira mahu untung sahaja," katanya.



Pengusaha sendiri beritahu penggunaan

baja terlalu banyak membuatkan tanah sudah jadi asid. Bila jadi asid, mereka tidak lagi boleh tanam semula"

R Ramakrishnan,
Presiden Kesedaran Alam Sekitar
Cameron Highlands (REACH)

lukan untuk pemulihan tanah bermasalah mungkin mengambil masa satu hingga tiga musim penanaman iaitu antara tempoh tiga bulan hingga setahun, tertakluk kepada tahap keseriusan tanah mati itu.

Beliau menegaskan tanah itu sukar untuk pulih sepenuhnya seperti asal kerana tanah memerlukan tempoh rehat yang panjang untuk kembali normal.

"Apabila kita telah teroka dan menggunakan sepenuhnya sumber daripada tanah, adakah tanah itu akan berterusan subur? Mungkin-kah ia akan pulih kembali?"

"Seperti sungai yang tercemar, kebarangkalian untuk ia pulih sepenuhnya agak sukar. Mungkin memerlukan masa yang panjang dan tidak ada tempoh yang khusus," katanya.

Ikuti pandangan Pengarah Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Perselantaran MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani bagi mengatasi isu tanah mati dan ketahui kaedah kawalan biologi yang dibangunkan MARDI dalam siri kedua laporan khas BH esok

GRAFIK BH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2019	BERITA HARIAN	SEMARAK RAMADHAN	8

SEMARAK RAMADHAN



BERNAS erat hubungan dengan komuniti setempat

● Kolaborasi bersama Program Ikhlas Ramadan BERNAS raikan golongan kurang bernasib baik

Oleh Muhammad Mustakim Ramli dan Noorazura Abd Rahman
bhnews@bh.com.my

✦ Kubang Pasu

Penganjuran Program Semarak Ramadan BH 2019 yang berlangsung di Pekan Kodiang, di sini cukup memperlihatkan keberkesanannya dalam memperkukuhkan hubungan komuniti setempat. Malah, elemen itu menjadi teras utama majlis gotong-royong penyediaan bubur lambuk di pekarangan Masjid Jamek, Kodiang di sini bermula seawal jam 7.30 pagi semalam.

Sambut Ramadan dengan sempurna

Inisiatif itu dilaksanakan BH dengan kerjasama rakan strategik, khusus bagi meraikan golongan kurang bernasib baik untuk mereka sama-sama menyambur Ramadan dalam keadaan sempurna.

"Kita juga mahu meningkatkan penyertaan masyarakat dalam penganjuran pelbagai program sosial dan kemasyarakatan dianjurkan BH seiring kedudukan sebagai akhbar prihatin"

Kodiang adalah lokasi kedua Prog-



Edisi kali ini mempunyai tarikan tersendiri kerana bubur lambuk berkenaan menggunakan beras perang"

Shahrul Nizam Abdullah, Pengerah Operasi BERNAS

Kita juga mahu meningkatkan penyertaan masyarakat dalam penganjuran pelbagai program sosial dan kemasyarakatan dianjurkan BH seiring kedudukan sebagai akhbar prihatin"

Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Pengerang Eksekutif Komersial dan Ehuwal Semasa BH

ram Semarak Ramadan BH 2019 selepas Shah Alam sebelum ini, dengan penganjurannya turut mendapat kerjasama Padiberas Nasional (BERNAS). Ia dikolaborasikan bersama Program Ikhlas Ramadan BERNAS.

Agih juga bungkus bubur lambuk Sementara itu, lebih 1,000 bungkus bubur lambuk habis diagihkan kepada orang ramai di Bazar Ramadan Pekan Kodiang, di sini dalam tempoh sejam jam bermula seawal jam 5 petang.

Dalam perkembangan becaftaan, Pengerah Operasi BERNAS, Shahrul Nizam Abdullah, berkata edisi kali ini mempunyai tarikan tersendiri kerana bubur lambuk berkenaan menggunakan beras perang.

"Tri jukung kali kita memilih menggunakan beras perang yang lebih berkhasiat berbanding beras biasa. Keseluruhannya, tiga periuk digunakan untuk memasak bubur lambuk berkenaan," katanya.

Katanya, selain pengagihan bubur lambuk, program itu juga membabitkan penyerahan bantuan barangan keperluan harian kepada 50 keluarga terpilih.



Sebahagian golongan esnaf yang hadir pada majlis berbuka puasa pada Kolaborasi Program Semarak Ramadan BH 2019 di Masjid Jamek, Kodiang, semalam.



Petugas masjid bersama warga NSTP serta BERNAS berkolaborasi untuk membina perkhidmatan berbuka puasa di masjid Jamek, Kodiang, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2019	BERITA HARIAN	SEMARAK RAMADHAN	9



SEMARAK RAMADHAN

(FOTO SHARUL HAFIZ ZAM /BH)



Ahmad Zaini belakang (lima dari kiri) bersama **Shahrul Nizam** (belakang tiga dari kiri) dan **Pengerusi Masjid Jamek Kodang, Fuzi Othman** (empat dari kiri) bersama anak yatim selepas menyampaikan sumbangan dan majlis berbuka puasa di Masjid Jamek, Kodang semalam.

500 penduduk Kodang dirai, 1,000 bubur lambuk diagih

Kubang Pusu: Seramai 500 penduduk Kodang termasuk anak yatim serta asnaf dirai dalam majlis berbuka puasa sempena Program Semarak Ramadan BH 2019 di Masjid Jamek, di sini, semalam.

Kolaborasi bersama Ikhlas Ramadan Padiberas Nasional (BERNAS) itu turut menyaksikan 50 keluarga asnaf menerima bantuan beg makanan yang mengandungi keperluan harian dan duit raya.

Seramai 28 anak yatim turut menerima sumbangan duit raya yang disampaikan Pengarah Operasi BERNAS, Shahrul Nizam Abdullah.

Sebelum itu, sebanyak 1,000 bubur lambuk diedarkan kepada orang ramai serta peniaga di bazar Ramadan di Pekan Kodang pada jam 5 petang.

Guna beras perang

Menariknya, bubur lambuk yang dimasak oleh kakitangan BERNAS bersama jawatan kuasa masjid jamek itu menggunakan beras perang.

Sementara itu, bagi penerima sumbangan, Nabila Nastasya Md Zakaria, 13, dia sangat bersyukur menerima sumbangan baju dan duit raya.

Katanya, tahun ini dia dapat bergaya dengan dua pasang baju raya hasil sumbangan berkenaan serta yang dibelikan oleh kakaknya.

"Saya dibesarkan oleh abang saya selepas kematian kedua-dua orang tua saya, saya menumpang kasih dengan kakak dan abang sejak kecil," katanya yang tinggal di Kampung Kubang Beruang.

Warga emas, Minah Din, 71, dari Kampung Damai, bersyukur dipilih menerima bantuan daripada BH dan BERNAS.

Katanya, dia tidak mempunyai sumber pendapatan melainkan mengharapkan tiga orang anaknya.

"Bantuan ini amat bermakna bagi saya, bantuan berupa makanan asas dan duit raya dapatlah saya gunakan sepanjang Ramadan," katanya.



Bantuan ini amat bermakna bagi saya, bantuan berupa makanan asas dan duit raya dapatlah saya gunakan sepanjang Ramadan"

Minah Din,
Penduduk



Orang ramai mengambil juadah berbuka puasa di pekarangan Masjid Jamek Kodang.




Penduduk setempat bergotong-royong melapah daging.



Murid sekitar Kodang menyertai program Didik anjuran BH di Masjid Jamek Kodang, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2019	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3



LORI yang melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra di Durian Burung tanpa melalui mesin penimbang kenderaan perdagangan.

Tiada mesin penimbang kenderaan perdagangan

PADANG TERAP 11 Mei - "Bukan sahaja barangan yang dibenarkan dibawa masuk, tetapi turut menjadi laluan kemasukan barangan haram".

Begitu pendedahan seorang pengimport yang mahu dikenali sebagai Ah Chai mengenai tahap keselamatan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra di Durian Burung dekat sini.

Segalanya berpunca daripada ketiadaan mesin penimbang kenderaan di situ yang sekali gus katanya, menyukarkan para petugas menentukan jenis dan jumlah barangan dagangan yang dibawa masuk.

Lebih malang katanya, kemasukan barangan tersebut berlaku di laluan sah dan bukannya 'jalan-jalan tikus'.

"Banyak barangan seperti buah-buahan tertentu yang tidak dibenarkan, contohnya

jambu air dibawa masuk di situ. Begitu juga daging ayam yang siap dipotong dari Thailand," katanya ketika ditemui.

Perkara itu terbukti apabila dalam satu operasi pihak berkuasa di pintu sempadan di situ bulan lalu, lebih 20 tan konsainan pertanian dari negara jiran tanpa dokumen lengkap dan sijil halal dirampas.

Ini termasuklah buah-buahan seperti durian, manggis dan mangga serta sayur-sayuran, benih pokok, ikan, udang basah, daging babi dan ayam hidup.

Ah Chai mendakwa, dia percaya berikutan peningkatan jumlah kenderaan perdagangan di ICQS Kota Putra dan tempoh masa operasi yang singkat iaitu sehingga pukul 6 petang, pemeriksaan pihak berkuasa menjadi semakin singkat.

Katanya, setiap pemeriksaan hanya mengambil masa 30

minit berbanding kira-kira tiga jam sekiranya melalui pintu masuk di Padang Besar, Perlis.

"ICQS Kota Putra (Durian Burung) pula terletak jauh di kawasan hutan dan sudah tentu petugas tidak mahu terperangkap dalam keadaan gelap-gelita semasa pulang," katanya lagi.

Sementara itu, tinjauan Minggu Malaysia ke kawasan tersebut baru-baru ini mendapati sesebuah lori perdagangan hanya perlu melalui pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan kastam, yang dianggarkan proses tersebut mengambil masa kira-kira 30 minit sebelum dibenarkan keluar.

Kesemua kenderaan berkenaan tidak kelihatan melalui mana-mana mesin penimbang kerana dipercayai tiada kemudahan tersebut disediakan seperti mana ICQS di tempat lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2019	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Barangan haram, tidak halal lalui ICQS Durian Burung

Pintu negara rapuh



Laporan KHAS

■ PADANG TERAP 11 MEI

KELEMAHAN ketara dikesan terhadap tahap keselamatan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra di Durian Burung dekat sini yang tidak dilengkapi dengan mesin penimbang kenderaan perdagangan sejak hampir tujuh tahun lalu.

Seorang pengimport buah-buahan yang mahu dikenali sebagai Ah Chai ketika mendedahkan perkara itu berkata, selama ini, petugas di kompleks tersebut hanya mengeluarkan duti eksais berdasarkan pengakuan ejen semata-mata.

Katanya, senario tersebut menyebabkan kemungkinan berlakunya penipuan oleh pengimport pelbagai jenis barangan saban hari di situ, sehingga boleh mengakibatkan kerajaan kehilangan cukai jutaan ringgit.

"Jika mereka (ejen) mengisytiharkan membawa 200 daripada 500 buah bakul buah-buahan, maka cukai (duti eksais) akan dikeluarkan terus mengikut jumlah barangan tersebut (200 buah bakul).

"Maka sebab itulah, pintu sempadan di Durian Burung kini lebih popular dan menjadi pilihan pengimport kerana lebih murah (mudah berlaku penipuan).

"Pada masa ini terdapat 40 hingga 50 buah lori yang membawa buah-buahan (sahaja) menggunakan pintu sempadan di situ setiap hari berbanding beberapa tahun lalu kira-kira hanya 10 buah lori," katanya ke-

MUKADIMAH

KOMPLEKS Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra di Durian Burung, Kedah, adalah pintu sempadan kedua di negeri itu selepas Bukit Kayu Hitam.

Namun, meskipun telah beroperasi sejak 2012, kompleks yang menghubungkan antara daerah ini dan Ban Prakop, Songkhla, Thailand itu, masih tiada kemudahan mesin penimbang kenderaan perdagangan.

Bayangkan sejak hampir tujuh tahun lamanya, kenderaan perdagangan yang memasuki negara ini di situ, tidak ditimbang, sekali gus menimbulkan persoalan bagaimana cukai sesuatu barangan import itu dibayar.

Ikuti laporan khas disediakan wartawan *Mingguan Malaysia*.

tika ditemui.

Ah Chai yang lebih 15 tahun menjalankan perniagaan mengimport buah-buahan dari Thailand seterusnya menambah, jika perbandingan dibuat di pintu masuk sempadan di Padang Besar, Perlis, jumlah kutipan cukai di ICQS Kota Putra, kurang daripada 50 peratus.

"Sebagai contoh, sebuah treler muatan 20 tan yang membawa masuk buah-buahan dikenakan cukai RM1,000 tetapi di ICQS Kota Putra, hanya RM300 hingga RM400 sahaja," katanya.

Tambah Ah Chai, malah jumlah kehilangan cukai yang terpaksa ditanggung kerajaan menjadi meningkat berkali-kali ganda apabila melibatkan kemasukan alat gantian kenderaan yang diimport.

"Ini berikutan kadar cukai bagi peralatan seperti ini boleh mencecah sehingga puluhan ribu ringgit," katanya lagi.

INFO

Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra, Durian Burung.

- Lori Malaysia masuk ke pusat pemindahan buah-buahan di Thailand (300 meter dari sempadan);
- Ejen datang menguruskan borang-borang pengisytiharan duti eksais di pusat itu.
- Ejen kemudian bawa borang itu dan serahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan kastam di ICQS semasa lori tiba untuk pemeriksaan.
- Selepas 30 minit dan selesai pembayaran cukai, lori boleh membawa masuk barangan ke Malaysia.